



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 62

2hb Ogos 2018

No. 16

---

**No. 1049.**

AKTA PEMULIHARAAN TANAH 1960  
(Akta 385)

*LAND CONSERVATION ACT 1960  
(Act 385)*

PEMBATALAN PENGISYTIHARAN TANAH BUKIT

*REVOCATION OF DECLARATION OF HILL LAND*

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385], Yang di-Pertua Negeri dalam Mesyuarat membatalkan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan dipetakan di atas Peta No. P.W. 2066 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan, Pulau Pinang yang telah diisyiharkan sebagai tanah bukit sebagaimana yang disiarkan dalam Pemberitahuan *Warta* No. 4 bertarikh 5 September 1957.

*In exercise of the powers conferred by section 3 of the Land Conservation Act 1960 [Act 385], the Yang di-Pertua Negeri in Council revokes the declaration of hill land in so far as it relates to land as specified in the Schedule and delineated upon Plan No. P.W. 2066 as deposited at the Department of Survey and Mapping Penang, which has been declared to be hill land as published in the Gazette Notification No. 4 dated 5 September 1957.*

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Seberang Perai Tengah. No. Lot/*Lot No.*—3784. Mukim/*Township*—20. No. Hakmilik atau Kependudukan/*Title or Occupation*—Geran 113592. Keluasan/*Area*—1.282 hektar/*hectare*.

Bertarikh 3 November 2017

*Dated 3 November 2017*

[PTG/TB/SPT/(S)/133; PTSPT/TB/3/2016; PUNPP 352/100/1/2/EA/31 Jld. 5]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Pulau Pinang/*  
*Clerk of*  
*State Executive Council*  
*Penang*

**No. 1050.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

## JADUAL

## AJARAN QADIANI/AHMADIAH

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2017 telah membincangkan mengenai Ajaran Qadiani/Ahmadiyah dan memutuskan seperti yang berikut:

- i. Ajaran Qadiani/Ahmadiyah adalah sesat dan terkeluar daripada ajaran Islam.
- ii. Pengikut Ajaran Qadiani/Ahmadiyah adalah terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam.
- iii. Ajaran Qadiani/Ahmadiyah adalah satu ajaran yang menyalahi daripada ajaran Islam yang sebenarnya dan pengikut-pengikut ajaran Qadiani/Ahmadiyah ini telah dihukumkan kafir oleh ulamak-ulamak Islam di serata dunia.

iv. Antara ciri-ciri ajaran ini ialah:

(a) Mirza Ghulan Ahmad mendakwa dirinya:

- i. sebagai Nabi yang menerima wahyu;
- ii. sebagai Imam Mahadi;
- iii. sebagai Isa Al Masih;
- iv. mempunyai mukjizat; dan
- v. para Nabi menyaksikan dirinya.

(b) Malaikat sebagai pancaindera Tuhan;

(c) Nabi Isa A.S. telah mati seperti manusia biasa dan dikebumikan di Srinagar;

(d) Ibadah Haji di Qadian, India;

(e) menafikan Jihad; dan

(f) mengubah ayat-ayat Al-Quran.

v. Orang-orang Islam adalah dilarang menjual, mengedarkan, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku-buku berikut:

(a) “*Invitation To Ahmadiyah*” yang dikarang oleh Hazrat Hj. Mirza Bashir-ud-din Ahmad (Khalifatul Masih II);

(b) “Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyyah” yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema’at Ahmadiyah;

(c) “Alam Sebagai Saksi” yang dikarang oleh Mohamad Zain bin Hasan; dan

(d) “*The Holy Quran with English Translation And Commentary*” (Vol II, Part I) yang dikarang oleh M. Masu’d Ahmad.

vi. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran atau fahaman Qadiani/Ahmadiyah dan lain-lain yang berkaitan dengannya atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran dan ciri-ciri fahaman Qadiani/Ahmadiyah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.

- 
- vii. Mana-mana orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiyah dan lain-lain yang berkaitan dengannya.
  - viii. Semua pihak adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada pengikut ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiyah daripada mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan ajaran dan fahaman ini di Negeri Pulau Pinang.
  - ix. Oleh yang demikian:
    - (a) mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang pada ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiyah ini adalah murtad;
    - (b) orang Islam yang telah mengamalkan ajaran Qadiani/Ahmadiyah di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Ta’ala; dan
    - (c) mana-mana orang Islam yang melakukan apa-apa perbuatan dalam perenggan (v), (vi), (vii) dan (viii) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Pulau Pinang.

Bertarikh 4 Jun 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(10); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 4]

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
*Mufti Kerajaan Negeri  
Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa Committee for the State of Penang*, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

AJARAN QADIANI/AHMADIAH

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2017 telah membincangkan mengenai Ajaran Qadiani/Ahmadiyah dan memutuskan seperti yang berikut:*

- i. *Ajaran Qadiani/Ahmadiyah adalah sesat dan terkeluar daripada ajaran Islam.*

- ii. *Pengikut Ajaran Qadiani/Ahmadiyah adalah terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam.*
      - iii. *Ajaran Qadiani/Ahmadiyah adalah satu ajaran yang menyalahi daripada ajaran Islam yang sebenarnya dan pengikut-pengikut ajaran Qadiani/Ahmadiyah ini telah dihukumkan kafir oleh ulamak-ulamak Islam di serata dunia.*
    - iv. *Antara ciri-ciri ajaran ini ialah:*
      - (a) *Mirza Ghulan Ahmad mendakwa dirinya:*
        - i. *sebagai Nabi yang menerima wahyu;*
        - ii. *sebagai Imam Mahadi;*
        - iii. *sebagai Isa Al Masih;*
        - iv. *mempunyai mukjizat; dan*
        - v. *para Nabi menyaksikan dirinya.*
      - (b) *Malaikat sebagai pancaindera Tuhan;*
      - (c) *Nabi Isa A.S. telah mati seperti manusia biasa dan dikebumikan di Srinagar;*
      - (d) *Ibadah Haji di Qadian, India;*
      - (e) *menafikan Jihad; dan*
      - (f) *mengubah ayat-ayat Al-Quran.*
    - v. *Orang-orang Islam adalah dilarang menjual, mengedarkan, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku-buku berikut:*
      - (a) *“Invitation To Ahmadiyah” yang dikarang oleh Hazrat Hj. Mirza Bashir-ud-din Ahmad (Khalifatul Masih II);*
      - (b) *“Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyyah” yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema’at Ahmadiyah;*
      - (c) *“Alam Sebagai Saksi” yang dikarang oleh Mohamad Zain bin Hasan; dan*
      - (d) *“The Holy Quran with English Translation And Commentary” (Vol II, Part I) yang dikarang oleh M. Masu’d Ahmad.*

- 
- vi. *Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran atau fahaman Qadiani/Ahmadiyah dan lain-lain yang berkaitan dengannya atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran dan ciri-ciri fahaman Qadiani/Ahmadiyah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.*
  - vii. *Mana-mana orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiyah dan lain-lain yang berkaitan dengannya.*
  - viii. *Segala pihak adalah dilarang dan ditegah daripada memberi apa jua kemudahan, sumbangan dan bantuan kepada pengikut ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiyah daripada mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan ajaran dan fahaman ini di Negeri Pulau Pinang.*
  - ix. *Oleh yang demikian:*
    - (a) *mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang pada ajaran dan fahaman Qadiani/Ahmadiyah ini adalah murtad;*
    - (b) *orang Islam yang telah mengamalkan ajaran Qadiani/Ahmadiyah di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Ta'ala; dan*
    - (c) *mana-mana orang Islam yang melakukan apa-apa perbuatan dalam perenggan (v), (vi), (vii) dan (viii) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Pulau Pinang.*

Made 4 June 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002(10); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 4]

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR

*Mufti*

*State Government of Penang*

اینکمن ڦنتدیبرن اکام اسلام  
 (نگری ڦولاو ڦینغ) 2004

#### فتوى دباوه سیکشن 48

ڦ منجالنکن کواس يغ دبریکن او لیه سیکشن 48 اینکمن ڦنتدیبرن اکام اسلام (نگری ڦولاو ڦینغ) [اینکمن 2]، اتس ڦر کتن يغ ڏفترتوان انوڻ، جاوتنکواس فتوى نگری ڦولاو ڦینغ، ممبوات فتوى يغ دپاتاکن دالم جدوال.

#### جدوال

##### اجرن قادیانی/احمدية

مشوارت جاوتنکواس فتوى نگری ڦولاو ڦینغ بیلاخن 2/2017 تله ممبینچکن مغناءي اجرن قادیانی/احمدية دان مموتوسکن سفرتي بریکوت:

- .i. اجرن قادیانی/احمدية اداله سست دان ترکلوار درقد اجرن اسلام.
- .ii. ڦیکوت اجرن قادیانی/احمدية اداله ترکلوار درقد اسلام دان تیدق بولیه منعمتی حق-حق سباقکای ساورغ اسلام ترمساوق ڦغومین دالم تانه ڦربورن اسلام.
- .iii. اجرن قادیانی/احمدية اداله ساتو اجرن يغ مپالهي درقد اجرن اسلام يغ سبنرڻ دان ڦیکوت.
- .iv. ڦیکوت اجرن قادیانی /احمدية این تله حکومکن کافير او لیه علماء- علماء اسلام سرات دنيا.
- a. مرزا غلام احمد مندعوا دیرین:
  - .i. سباقکاینبي يغ منریما وحی؛
  - .ii. سباقکای امام مهدی؛
  - .iii. سباقکای عیسی المسبح؛
  - .iv. ممفیوپاءی معجزات؛ دان

- v. ڦارا نبی مِقسیکن دیریش.
- b. ملانکة سبَاڪای ڦچاءيندرا توهن؛
- c.نبي عیسى عليه السلام تله ماتي سُفرتی ماعنسی بیاسا دان دکبومیکن دسریناڪر؛
- d. عبادة حاج د قادریاني اندیا؛
- e. منافیکن جهاد؛
- f. مثوبه ایه- آیة القراءن.
- vii. اورغ- اورغ اسلام اداله دلارغ منجوال، مغیدر، ممبلي، ممیلیقی، اتو ممبری چرامه تنڌي ايسي کندو غن بوکو- بوکو برایکوت:
- a. يع دکارغ اولیه حضرۃ حاج مرزا بشیرالدین احمد (خليفة المسيح 11)؛
- b. ”ٺناور راپون فتنۃ تر هادف احمدیۃ“، يع دنولیس اولیه ٺغوروس بسر جمعات احمدیہ؛
- c. ”عالم سبَاڪای سقسي“ يع دکارغ اولیه محمد زابن بن حسن؛ دان
- d. ”The Holy Quran with English Translation And Commentary“ (Vol II, Part I) يع دکارغ اولیه م. مسعود احمد
- viii. اف-افجا باهن ڦوبليسيٽي دان سڀارن يع منونو لکن اجرن اتو فهمن قادریاني/احمدیہ دان لاين- لاين يع برکاءين دغන اتو اف-افجا اجرن، ڦخن اتو فهمن بهارو يع ممقوپاءی ڦرساماعن دغن عنصور- عنصور اجرن دان چيري- چيري فهمن قادریاني/احمدیہ دالم اف جوا بتتوق ٺربیتن دان چېتقن اتو سیارن دالم مان- مان لامن سساوگ، بلوگ، فسیوک، تویتر، اتو میدیا سوسیال لاين اداله دحرامکن.
- vii. مان- مان اورغ اسلام اداله جوگ دلارغ، ممیلیقی، میمفن، منچیق، منجوال، منجوال، اتو مغیدر فیلم، راقن اعوڈیو، رساله، بوکو- بوکو، مجله اتو اف-افجا تربیتن، رساله اتو اف-افجا دوکومن، مغکوناکن سبارغ بتتوق لامبیغ، راجه اتو تند- تند ایه بولیه معاينکن اجرن دان فهمن قادریاني/احمدیہ دان لاين- لاين يع برکاءين دغන.

سموا قیهق اداله دلارغ دان دتکه درڈ ممبری اف جوا کمودهن، سومیغن دان بنتوان کفڈ  
قیکوت اجرن دان فهمن قادیانی/احمدیة درڈ معمولکن، میبارکن دان معمبلکن اجرن دان  
فهمن این دنگری ڤولاو ڤینغ.

اولیه یغ دمکین: .ix

(a) مان- مان اورغ اتاو کومقولن اورغ یغ برڤکچ ڏ اجرن دان فهمن قادیانی/احمدیة این  
اداله مرتد؛

(b) اورغ اسلام یغ تله معمولکن اجرن قادیانی/احمدیة دمان- مان جوا براد هندقله سگرا  
برتوبہ سرتا مموهون کامفونن کفڈ الله تعالی؛ دان

(c) مان- مان اورغ اسلام یغ ملاکوکن اقا-اقا ڦربوائن دالم ڦرعن (v) ، (vi) ، (vii)  
دان (viii) اداله ملاکوکن سواتو کسالهن دان بولیه دأبیل تیندقن دباوه اوندغ- اوندغ  
یغ برکوات کواس دنگری ڤولاو ڤینغ.

دیوات 4 جون 2018  
[JMNPP/(S)/19/1101/002 (10); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.4]

داتوء دکتور وان سالم بن وان محمد نور  
مقتی  
کراجان نگری ڤولاو ڤینغ

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

No. 1051.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu

suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

*In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority of Penang has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for open area and has designated that the State Secretary of Penang shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the City Council of Penang Island.*

#### JADUAL/SCHEDULE

Mukim/Mukim—10. Daerah/District—Barat Daya. No. Lot/Lot No.—20381. No. Pelan Akui/Certified Plan No.—P.A. 111847. Keluasan/Area—637 meter persegi/square metre.

Bertarikh 23 Mei 2018

*Dated 23 May 2018*

[PTG/PPMS/BD/150; PTBD/A/PPS/7/2016; PTBD/WARTA; PUBLPP188\_2017; PUNPP 352/100/1/2/EA/11 Jld. 8]

ABDUL RAHMAN BIN JOHOR  
*Pengarah Tanah dan Galian  
 Pulau Pinang/  
 Director of Lands and Mines  
 Penang*

#### No. 1052.

(Seksyen 168)

#### NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

#### JADUAL

Mukim—7, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. No. Lot—3201. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 81368. Luas—130.0 meter persegi.

Bertarikh 28 Jun 2018  
 [PTG/PP/76/Jld. 70(92) dlm.(5)]

ROSFIAH BIN OTHMAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
 Pulau Pinang*

No. 1053.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Bandar—Georgetown, Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—1000. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 20705. Luas—113.8954 meter persegi.

Bertarikh 29 Jun 2018  
[PTG/PP/76/Jld. 70(96) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

No. 1054.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—13, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. No. P.T.—1559. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D. 34645. Luas—115.57 meter persegi.

Bertarikh 29 Jun 2018  
[PTGPP/PHMT/622(76) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

No. 1055.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—20, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—2037. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 128089. Luas—102.0 meter persegi.

Bertarikh 2 Julai 2018  
[PTG/PP/76/Jld. 70(97) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah*  
*Pulau Pinang*

No. 1056.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—4, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—5065. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D. 28989. Luas—139.0 meter persegi.

Bertarikh 6 Julai 2018  
[PTGPP/PHMT/622(77) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah*  
*Pulau Pinang*

No. 1057.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah rosak.

JADUAL

Mukim—13, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. P.T.—1810. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 30271. Luas—111.0 meter persegi.

Bertarikh 29 Jun 2018  
[PTG/PP/76/Jld. 70(86) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

No. 1058.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. No. P.T.—974. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D. 17251. Luas—53.35 meter persegi.

Bertarikh 2 Julai 2018  
[PTG/PP/76/Jld. 70(95) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

**No. 1059.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—11, Daerah Seberang Perai Tengah. No. Lot—5765. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1205. Luas—162 meter persegi.

Bertarikh 13 Julai 2018  
[PTSPT/D/01/09/445]

MOHD IZHAM BIN AWANG  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Tengah  
Bukit Mertajam  
Pulau Pinang*

**No. 1060.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada R. Perakas a/l Rajaram, yang beralamat di 31, Tingkat Punggok 1, Taman Rasa Ria, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang dan C-8-5, Apartment Mutiara, Batu 4 1/2, 58000 Kuala Lumpur, pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang pada 28 Ogos 2018 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—5, Seberang Perai Selatan. No. Lot—1036, 1074 dan 1077. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 250, 616 dan 619. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2012000707.

Bertarikh 4 Julai 2018  
[0703AUC2018000006]

NOOR LIYANA BINTI HASAN  
*Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Selatan  
Pulau Pinang*

**No. 1061.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mahasuri binti Abdullah dan Zamri bin Samsudin, yang beralamat di 24, Lorong Seri Mengkuang 12, Taman Seri Mengkuang, 14400 Kubang Semang, Pulau Pinang dan/atau Blok Melati 2, Kolej Indera Mulia, (UiTM) Kampus Seri Iskandar, 32610 Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam pada 20 September 2018 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—20, Seberang Perai Tengah. No. Lot—4382. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2002. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0701SC2011006145.

Bertarikh 4 Julai 2018  
[0701AUC2018000036]

MOHD IZHAM BIN AWANG  
*Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Tengah  
Bukit Mertajam  
Pulau Pinang*

## WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

944

[2hb Ogos 2018]

### No. 1062.

(Seksyen 261)

#### SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada G. Sangal a/l Gurusamy dan Kalaivani a/p A Retnam, yang beralamat di C-3-12A, 3rd Floor, Block C, Lorong Machang Bubok 20, Taman Machang Bubok, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan/atau 1765, Mukim 10, Jalan Megat Harun, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam pada 20 September 2018 pukul 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—16, Seberang Perai Tengah. No. Lot—4468. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1094/M3/4/217. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0701SC2006003449.

Bertarikh 4 Julai 2018  
[0701AUC2018000037]

MOHD IZHAM BIN AWANG  
*Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Tengah  
Bukit Mertajam  
Pulau Pinang*

### No. 1063.

(Seksyen 261)

#### SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Nantini a/p Morges dan Tilagarajan a/l Gunasergaran, yang beralamat di 3, Lorong Seri Juru 5, Taman Seri Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang dan/atau Blok E2-11-22, Jalan Perai Jaya 6, Bandar Perai Jaya, 13600 Perai, Pulau Pinang dan/atau 5-1, Jalan Taman Tmj Minyak 1, Taman Tanjong Minyak Jaya, 75250 Melaka pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam pada 24 September 2018 puluk 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—13, Seberang Perai Tengah. No. Lot—5506. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 376. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0701SC2015002363.

Bertarikh 12 Julai 2018  
[0701AUC2017000057]

MOHD IZHAM BIN AWANG  
*Pentadbir Tanah*  
*Seberang Perai Tengah*  
*Bukit Mertajam*  
*Pulau Pinang*

#### No. 1064.

(Seksyen 321)

#### NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Puwaneswari a/p Suprumaniam yang beralamat di 12, Lorong 24, Taman Sintar Indah, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang. Pemilik yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Ini adalah memaklumkan kepada kamu bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 324, saya pada hari ini memasukkan ke dalam dokumen hakmilik daftar bagi tanah itu—

- (a) suatu Kaveat Persendirian atas Tanah No. Pers. 0799B2017010645 atas permohonan Public Bank Berhad, 6862-6864, Jalan Bagan Jermal, Bagan Ajam, 13000 Butterworth, Pulau Pinang.

Kaveat ini adalah dimaksudkan untuk mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut itu dan natijahnya ialah menghalang—

- (i) pendaftaran suratcara urusan,
- (ii) catatan mengenai tuntutan faedah di bawah tenansi,
- (iii) kemasukan kaveat pemegang lien.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

946

[2hb Ogos 2018]

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—7, Seberang Perai Selatan. No. Lot—6750. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 86857. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 bahagian. No. Daftar Gadaian/Pajakan/Pajakan kecil (jika ada)—Perserahan No. 0799SC2015037698 (GD).

Bertarikh 10 November 2017

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

**No. 1065.**

(Seksyen 326)

### NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Marai a/p Subramaniam (No. K/P 591105-02-5712) beralamat di 2478, Jalan Telaga Air, 12200 Butterworth, Pulau Pinang dan yang atas permintaannya Kaveat Persendirian Berdaftar No. Persn. 0799B2017009632 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah yang berkenaan yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuan punya tanah itu; dalam kepentingan yang diperihalkan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—15, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. No. Lot—6493. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D. 16801. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua.

Bertarikh 19 April 2018  
[PPHMT/PP/C/505/51: 5]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

**No. 1066.**

(Seksyen 326)

### NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Zaliza binti Zainul (No. K/P 720611-09-5172) beralamat di 5, Lorong Bertam Indah 17, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan yang atas permintaannya Kaveat Persendirian Berdaftar No. Persn. 0799B2016005628 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahwasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah yang berkenaan yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahwasanya \*tuan punya tanah; \*penerima pajak/penerima pajak kecil/pemegang gadaian dalam kepentingan yang diperihalkan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—6, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—3409. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D. 7726. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—0799SC2007031127 dan 0799SC2007031128.

Bertarikh 8 Mei 2018  
[PPHMT/PP/C/505/51: 6]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

CAWANGAN ALOR SETAR

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA